

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEMAS SEMPENA TAHUN BARU 2019

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita rafakkan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala di atas rahmat dan inayah-Nya kita masih dikurniakan ruang dan peluang untuk melangkah ke tahun baru 2019. Seluruh warga KEMAS perlu bersyukur kerana kita masih berpeluang untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaku penjawat awam. Moga kita sentiasa memanfaatkan masa atau waktu yang ada dengan melakukan perkara-perkara yang boleh memberikan kebaikan kepada diri, masyarakat dan negara. Bak kata pepatah Arab menyebut, *'masa adalah ibarat pedang, jika kita tidak memotongnya, maka ia akan memotong kita.'* Begitulah gambaran betapa masa itu sesuatu yang sangat penting dan amat berharga.

Tahniah dan terima kasih di atas pencapaian yang cemerlang dalam melaksanakan pelbagai program, aktiviti dan inisiatif sepanjang tahun 2018 yang lalu. Sesungguhnya, kecemerlangan dalam melaksanakan program dan aktiviti tersebut tentunya adalah melalui perancangan yang baik dari semua peringkat serta didorong dengan budaya semangat kerja berpasukan yang telah sekian lama dipupuk dalam jati diri setiap warga KEMAS. Kekuatan dan keutuhan sebeginilah yang diperlukan untuk kita bersama-sama mengharungi cabaran yang bakal tiba di hari-hari yang mendatang. Yakinlah bahawa segala amanah dan tanggungjawab yang kita pikul bersama ini adalah demi menyediakan kebajikan yang terbaik kepada rakyat dan memastikan masa depan yang lebih baik untuk generasi yang bakal mewarisi kita.

Justeru itu, untuk mencapai matlamat dan sasaran tahun 2019 ini, marilah kita terus mempertingkatkan tekad dan azam untuk berusaha dengan lebih gigih, mempunyai disiplin yang tinggi, berintegriti dan amanah dalam satu pasukan yang kuat untuk meningkatkan produktiviti dengan kualiti yang lebih tinggi. Walaupun tahun 2018 telah dilalui dalam suasana penuh mancabar, namun ia juga telah diwarnai dengan pelbagai

kejayaan dan pencapaian yang membanggakan bagi pihak KEMAS. Diharapkan agar platform yang telah disediakan oleh KEMAS terutamanya di bawah Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Kemahiran dan Pembangunan Komuniti tentunya akan lebih banyak mempengaruhi perkembangan sosio ekonomi, peningkatan taraf pendidikan, pembangunan modal insan dan peningkatan kemahiran dikalangan masyarakat luar bandar, lantas akan menyumbang kepada faktor pembangunan dan kemajuan negara ini.

Dalam usaha untuk memperkasa, melestarikan dan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan KEMAS terhadap rakyat khususnya masyarakat di luar bandar, Hala Tuju dan Rasionalisasi KEMAS 2018-2023 telah menggariskan **5 Strategi penting** iaitu 1)Mendayaupaya Kepimpinan 2)Memastikan Pencapaian Keberhasilan 3)Memantapkan Kapasiti Organisasi 4)Merangsang Penglibatan Rakyat 5)Menerapkan Nilai-Nilai Murni.

Manakala Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menetapkan bahawa **KEMAS sebagai agensi penyelarasan dan pelaksana** bertanggungjawab untuk melaksanakan Teras 2: Ekonomi – Ekonomi luar bandar yang berdaya saing. Teras 3: Keusahawanan – Pemerkasaan usahawan luar bandar & mewujudkan sumber pendapatan alternatif. Teras 4: Modal Insan – Masyarakat luar bandar berilmu, mahir dan cemerlang. Teras 5: Wanita – Memperkasa wanita luar bandar dan Teras 6: Sistem Penyampaian – Mengutamakan keperluan rakyat.

Justeru, perkemaskanlah strategi dan formasi pasukan kita, hindarilah perkara-perkara yang merugikan diri serta Jabatan, pertingkatkan ilmu serta kemahiran, budayakan inovasi dan terus fokus dalam tugas agar segala perancangan berkenaan sasaran kerja, perbelanjaan, program dan aktiviti sama ada di bahagian pengurusan, operasi mahupun kewangan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Bersama-sama kita berdoa agar terus diberikan kekuatan dan keupayaan agar dapat menyempurnakan segala amanah yang telah diberikan ini dengan sebaiknya dan seterusnya menjadikan prestasi KEMAS terus cemerlang demi kelangsungan agama, bangsa dan negara.

Selamat menempuh tahun baru 2019 dengan penuh keazaman dan iltizam yang tinggi untuk sentiasa memberikan prestasi dan mutu kerja yang terbaik. Amanah telah berada di tangan kita, jangan disia-siakan harapan yang telah diberikan. **Bersama 'saya menjalankan amanah'.**

DATO' AMIRUDDIN BIN ARIFFIN
KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT
#imkemas